

**UNIVERSITY COLLEGE TATI (UC TATI)****BUKU SOALAN PEPERIKSAAN AKHIR**

KOD KURSUS	: MPU 2372
KURSUS	: PENGAJIAN ISLAM
SEMESTER/SESI	: 2, 2022 / 2023
JANGKA MASA	: 1.5 JAM

Arahan:

1. Buku soalan ini mengandungi 60 soalan objektif.
2. Tandakan jawapan anda dengan jelas pada kertas OMR yang disediakan.
3. Sekiranya ada kemusykilan, sila kemukakan kepada pengawas peperiksaan.

JANGAN BUKA SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU**BUKU SOALAN INI MENGANDUNGI 18****MUKA SURAT BERCETAK TERMASUK MUKA SURAT HADAPAN**

Bahagian ini mengandungi 60 soalan . (30 markah)

Arahan: Tandakan jawapan anda pada kertas OMR yang disediakan.

1. Berikut adalah benar mengenai Islam **kecuali**

- A. Agama yang mentauhidkan Allah secara mutlak
- B. Agama Samawi
- C. Agama yang dianuti oleh semua Rasul
- D. Agama untuk orang Arab Badwi sahaja

"Pengakuan dengan lidah (lisan), membenarkan pengakuan itu dengan hati dan mengamalkannya dengan rukun – rukun (anggota – anggotanya)"

2. Pernyataan tersebut merujuk kepada istilah ?

- A. Iman
- B. Islam
- C. Ihsan
- D. Akhlak

3. Siapakah lelaki yang berpakaian serba putih datang mengajar agama kepada Rasulullah Salallahu Alaihi Wasallam ?

- A. Sahabat Nabi
- B. Ulamak yang tinggi ilmunya
- C. Jibrail
- D. Wali Allah

4. Siapakah yang memperkenalkan istilah tamadun dalam karyanya Sejarah Tamadun Islam ?
- A. Ibnu Sina
 - B. Jurji Zaidan
 - C. Ibnu Haytam
 - D. Zaid bin Harith
5. Istilah *Maddana* bermaksud
- A. kehidupan beragama
 - B. kehidupan sosial tinggi
 - C. pembukaan bandar dan berlaku sopan serta halus
 - D. penyerahan dana kepada masyarakat
6. Berikut adalah benar mengenai sumber tamadun ***kecuali***
- A. Sistem tulisan dan bahasa
 - B. Agama
 - C. Tamadun lain terhampir
 - D. Ilmu pengetahuan
7. _____ adalah kepercayaan yang kukuh dalam diri manusia berkaitan dengan ketuhanan dan lain – lain kepercayaan agama.
- A. Akhlak
 - B. Ibadah
 - C. Akidah
 - D. Tasawwuf

8. Keluarga nuklear bermaksud

- A. Terdiri daripada ayah, ibu dan anak – anak sebagai anggotanya
- B. Terdiri daripada datuk, nenek, ayah, ibu dan anak
- C. Keluarga yang sering bergeseran, mudah bergaduh antara anggota
- D. Keluarga yang bersifat gagah dan hebat dari sudut fizikal

9. Apakah yang dimaksudkan dengan moral ?

- A. Himpunan tindak tanduk individu yang ditakrifkan masyarakat sebagai baik dan sejahtera
- B. Himpunan sifat individu yang diperakui baik oleh keluarga
- C. Himpunan sifat individu yang diperakui baik oleh masyarakat
- D. Himpunan tindak tanduk masyarakat setempat

Suatu peraturan yang berkaitan dengan hubungan sesama manusia seperti jual beli, sewa menyewa, hutang piutang, pengurusan, pentadbiran dan sebagainya.

Gambarajah 1

10. Yang manakah di antara berikut , merujuk kepada kenyataan di atas ?

- A. Undang – undang Muamalat
- B. Undang – undang Jinayat
- C. Undang – undang Munakahat
- D. Undang – undang Maaliyah

11. Berikut adalah kenyataan yang **benar** mengenai ciri – ciri asas tamadun
- i. Mempunyai pengasas yang terkenal dan penganut yang banyak
 - ii. Penempatan di sesebuah kawasan
 - iii. Bahasa serumpun dengan sistem tulisan bagi medium komunikasi
 - iv. Sistem organisasi dan institusi sosial yang baik dan sistematik
- A. i dan iii
B. ii dan iv
C. i, ii dan iii
D. ii, iii dan iv
12. Tujuan Undang – Undang Syariah digubal bagi memelihara beberapa perkara asas dalam kehidupan manusia antaranya ;
- i. Nafsu
 - ii. Agama
 - iii. Akal
 - iv. Nyawa
- A. i, ii dan iii
B. i, ii dan iv
C. ii, iii dan iv
D. Semua di atas

Karya agung beliau iaitu “**Al – Qanun Fi Tibb**” bermaksud Undang – Undang Dalam Perubatan telah diterjemahkan ke dalam 70 bahasa dan menjadi rujukan utama di seluruh Eropah bagi *School Of Medicine*.

13. Yang manakah di antara berikut, mempunyai kaitan jelas dengan pernyataan di atas ?
- A. Ibnu Rushd
B. Ibnu Sina
C. Al – Razi
D. Al – Khawarizmi

14. Epistemologi dan Aksiologi bermaksud

- A. Teori sains dan alam
- B. Teori keilmuan dan nilai
- C. Teori baik dan buruk
- D. Teori kepercayaan dan keimanan

15. Antara ciri – ciri keistimewaan(tasawwur) Islam adalah

- i. Rububiyah
- ii. Waqi'yyah
- iii. Wasatiyyah
- iv. Rabbaniyyah

- A. i, ii dan iii
- B. i, ii dan iv
- C. ii, iii dan iv
- D. Semua di atas

16. Tamadun Islam sangat berbeza daripada Tamadun Barat kerana

- A. diresapi oleh idea – idea berasaskan rasionalisme semata – mata
- B. menolak wahyu sebagai sumber ilmu
- C. tidak berdasarkan kepada tauhid
- D. fokuskan konsep kesepaduan ilmu berbanding pengkhususan ilmu

17. Nyatakan kesan perilaku keruntuhan akhlak atau moral

- i. Kurang penghayatan agama
- ii. Keperibadian yang lemah
- iii. Kepincangan dalam keluarga
- iv. Sifat keakuan menebal dalam diri

- A. i dan ii
- B. iii dan iv
- C. i, ii dan iv
- D. Semua di atas

18. Al – Quran bermaksud _____ adalah sumber utama perundangan Islam.

- A. peringatan
- B. buku
- C. yang ditulis
- D. yang dibaca

19. Manakah antara berikut **benar** dalam konteks kekeluargaan dalam Islam

- A. Anak – anak boleh ucapkan “ah” kepada ibubapa
- B. Anak – anak hendaklah ucapkan perkataan mulia kepada ibubapa
- C. Anak – anak tidak perlu berdoa untuk kedua ibubapa kerana mereka boleh berdoa sendiri
- D. Anak – anak perempuan perlu berbuat baik kepada ibu sahaja memandangkan mereka lebih rapat

20. Berikut adalah institusi pemerintahan dan pentadbiran dalam Islam

- i. Imamah
- ii. Khilafah
- iii. Diwan
- iv. Imarah

- A. i, ii dan iii
- B. i, ii dan iv
- C. ii, iii dan iv
- D. Semua di atas

21. _____ bermaksud hukum hakam syariat berkaitan nikah kahwin.

- A. Munakahat
- B. Muamalat
- C. Jinayat
- D. Akad Ijab dan Qabul

Menggunakan sistem halaqah. Murid juga tidak dibenarkan memilih halaqah yang disukai, bahkan keupayaan mereka akan dinilai terlebih dahulu bagi menentukan halaqah yang sesuai dengan kelayakannya.

22. Yang manakah di antara berikut, berkaitan daripada kenyataan di atas ?

- A. Kuttab
- B. Madrasah
- C. Masjid
- D. Institut Pengajian Tinggi

23. Antara pernyataan berikut, yang manakah menerangkan mengenai Institusi al – Mustansiriyyah?

- i. Asalnya adalah sebuah masjid di zaman Kerajaan Fatimiyyah
- ii. Ia lebih terbuka kepada semua mazhab empat yang utama
- iii. Ia dibina atas inisiatif Nizam al – Muluk, Perdana Menteri kepada Sultan Abdul Malik Shah, Pemerintah Saljuk
- iv. Ada bangunan batu dua tingkat, lengkap dengan masjid, dewan kuliah, perpustakaan dan klinik

- A. i dan ii
- B. ii dan iv
- C. ii, iii dan iv
- D. Semua di atas

24. Masyarakat Islam pertama yang wujud dalam Tamadun Islam adalah

- A. Masyarakat Islam Makkah
- B. Masyarakat Islam Madinah
- C. Masyarakat Islam Kepulauan Melayu
- D. Qabilah Bani Qainuqa`, Bani Nadhir dan Bani Mustholiq

25. Pernyataan berikut adalah **benar** mengenai syura

- i. Bermaksud minta pendapat dan bersefahaman dalam rundingan
- ii. Bertindak menyelia ekonomi umat Islam khususnya di pasar
- iii. Mula diamalkan di zaman Rasulullah
- iv. Mereka melakukan upacara pengukuhan iaitu untuk memperbaharui keyakinan iman terhadap tuhan

- A. i dan ii
- B. i dan iii
- C. i dan iv
- D. ii dan iii

26. Penghayatan agama bermaksud ?

- A. memahami syariat tanpa mempraktiskannya
- B. mempraktis tanpa memahaminya
- C. memahami dan mempraktiskannya
- D. mendengar dan mencatat

27. Tamadun manakah yang menguasai negara Mesir sebelum Islam ?

- A. Tamadun Melayu
- B. Tamadun Yunani
- C. Tamadun Barat
- D. Tamadun India

28. Berikut adalah benar mengenai akademi negara Islam *kecuali*
- i. Bait al – Hikmah wujud pada zaman Khalifah Al – Fateh
 - ii. Khalifah di Zaman Kerajaan Uthmaniyyah sangat cakna dan prihatin terhadap ilmu
 - iii. Akademi Bait al – Hikmah dan Dar al – Hikmah wujud sebagai bukti kecaknaan mendalam khalifah mengenai ilmu
 - iv. Sediakan gaji yang tinggi dan makmal kepada para penyelidik
- A. i dan ii
 - B. i, ii dan iii
 - C. i, iii dan iv
 - D. Semua di atas

29. Antara berikut manakah pernyataan yang menggambarkan interaksi tamadun berlaku ?

- A. Bahasa Arab menjadi bahasa rasmi dan meluas di Sepanyol
- B. Bahasa Latin menjadi *lingua franca* bagi pengajian ilmu perubatan
- C. Budaya *Hellenistik* tersebar meluas di mana mana
- D. Timbul semangat keakuan yang tinggi dalam kalangan bangsa Arab

Alexander The Great menjajah Mesir pada tahun ke – 4 SM. Beliau bersama rombongannya ahli falsafah, perubatan & sains Yunani. Tubuh pusat & bandar baru. Pada 641M, Amru al – As, tentera Islam pula menawan Iskandariah (Pusat Pentadbiran Mesir)

30. Yang manakah berikut , paling berkait rapat dengan kenyataan di atas ?

- A. Penjarahan ilmu oleh Alexander The Great
- B. Pertembungan tamadun berlaku di Timur Tengah
- C. Penyebaran ilmu di Timur Tengah oleh Alexander
- D. Penyebaran tamadun baru di Timur Tengah oleh Alexander

31. Berikut adalah tanggungjawab ibubapa kepada anak – anak mereka
- i. Laksanakan akikah sebaiknya sebelum mencapai usia baligh
 - ii. Berikan nama yang baik dan elok maksudnya
 - iii. Penuhi segala kehendak anak – anak
 - iv. Laksanakan korban sebaiknya selepas mencapai usia baligh
- A. i dan ii
B. i, ii dan iii
C. i, iii dan iv
D. ii, iii dan iv
32. Apakah maksud tamadun mengikut Kamus Dewan ?
- A. Kejayaan, kehebatan keturunan dan kehalusan suara
 - B. Kecemerlangan dan semangat setiakawan
 - C. Kebudayaan, kemajuan dan peradaban
 - D. Ketinggian moral, kecaknaan nilai positif dan saling bekerjasama
33. Berikut adalah benar mengenai dasar sains negara Islam **kecuali**
- A. Kegiatan penterjemahan ke dalam bahasa Arab secara berleluasa
 - B. Pelancaran buku NILAM peringkat kebangsaan di sekolah rendah
 - C. Sebahagian istana khalifah dijadikan perpustakaan
 - D. Masjid turut dijadikan tempat belajar
34. Berikut adalah **benar** mengenai keistimewaan Tamadun Islam
- A. Kesejagatan tanpa mengira masa dan tempat
 - B. Keterbukaan terhadap kesemua budaya bukan islam
 - C. Kepercayaan terhadap doktrin trinititi
 - D. Kelestarian kepada masyarakat tidak berbelah bahagi

35. Bilakah penubuhan Organisasi Perdagangan Dunia ?

- A. 1985
- B. 1995
- C. 2005
- D. 1975

36. Apakah organisasi dunia yang wujud hasil daripada Perang Dunia Kedua?

- A. Bank Dunia
- B. Organisasi Perdagangan Dunia
- C. Persidangan Bangsa Bangsa Bersatu
- D. Tabung Wang Antarabangsa

37. Berikut adalah **benar** mengenai faktor dalaman salah faham terhadap Islam

- i. Serangan pemikiran orientalis Barat
- ii. Perkembangan ajaran sesat atau salah berleluasa
- iii. Agama yang kolot
- iv. Elemen subversif dalam negara

- A. i dan ii
- B. i dan iv
- C. ii dan iii
- D. ii dan iv

38. Berikut adalah **benar** mengenai konsep Tamadun Barat

- A. Kesepaduan ilmu
- B. Keseimbangan ilmu
- C. Penyatuan ilmu
- D. Pengkhususan ilmu

39. Berikut adalah **benar** mengenai bentuk salah faham semasa pengistilahan

- A. Dogmatisme
- B. Fundamentalisme
- C. Kapitalisme
- D. Liberalisme

40. Apakah yang dimaksudkan dengan observatori ?

- A. Menjalankan kajian berkaitan hidupan bawah laut
- B. Menjalankan kajian berkaitan hidupan dalam hutan
- C. Menjalankan kajian dan cerapan berkaitan hidupan di luar bumi
- D. Menjalankan kajian dan cerapan berkaitan astronomi

41. Berikut adalah benar mengenai objektif utama Tabung Wang Antarabangsa **kecuali**

- A. Menyediakan pertolongan sementara bagi negara yang bermasalah mengenai baki bayaran hutang
- B. Menggalakkan kestabilan kadar tukaran wang asing
- C. Melaksanakan dasar pandang ke timur kepada negara anggota
- D. Mempromosikan kerjasama antarabangsa dari sudut kewangan

42. Berikut adalah benar mengenai Hadis Qudsi **kecuali**

- A. Dikenali dengan Hadis Rabbani
- B. Lafaz dan makna sepenuhnya daripada Allah Taala
- C. Segalanya disandarkan kepada Nabi samada perkataan, perbuatan dan perakuan baginda Salallahu Alaihi Wasallam
- D. Allah turut mengajar manusia tentang akhlak mulia

43. Berikut adalah **benar** mengenai istilah tamadun
- A. *Civilization* berasal *Civitas*, dari bahasa latin bermaksud bandar
 - B. *Umran* bermaksud kehidupan yang menetap
 - C. *Hadharah* bermaksud perkembangan masyarakat
 - D. *Madani* bermaksud pembukaan bandar
44. Berikut adalah benar mengenai khilafah **kecuali**
- A. Merujuk kepada kerajaan kecil yang diperintah seorang pemimpin
 - B. Diperakui sebagai pengganti Rasulullah SAW
 - C. Individu yang melaksanakan fungsi khilafah dinamakan khalifah
 - D. Khalifah Abu Ja`far al – Mansur dan Khalifah Harun al – Rashid adalah individu yang pernah memegang jawatan ini.
45. Pernyataan berikut berkait rapat mengenai konglomerat dunia
- A. Francais makanan seperti KFC, Mc Donald, Pizza Hut
 - B. Memantau dasar dan peraturan perdagangan antarabangsa
 - C. Menyediakan pinjaman kepada negara – negara miskin
 - D. Menggambarkan keupayaan, keharmonian dan kemakmuran ekonomi
46. Manakah observatori yang diberi nama sempena penulis buku dan ketua ahli astronomi kerajaan Uthmaniyyah ?
- A. Observatori Ulugh Beg, Samarqand
 - B. Observatori Taqi al – Din, Istanbul
 - C. Observatori Maragha, Azerbaijan
 - D. Observatori Nizam al – Muluk, Baghdad

47. Manakah antara berikut yang menggambarkan kesepaduan ilmu ?
- A. Belajar semua cabang yang wujud dalam bidang agama sahaja
 - B. Belajar semua cabang yang wujud dalam bidang sains sahaja
 - C. Belajar agama dahulu sebagai asas kemudian baru ilmu sains
 - D. Belajar ilmu sains dahulu kemudian baru agama sebagai penutup
48. Berikut adalah **benar** mengenai naungan khalifah Islam terhadap saintis
- A. Saintis diberi hak untuk berkahwin dengan puteri khalifah
 - B. Saintis diberi sebidang tanah yang luas lengkap dengan rumah
 - C. Saintis dilayan istimewa di istana khalifah dan diberi pangkat tinggi
 - D. Saintis diberi gaji, pencen dan bilik untuk jalankan kajian mereka
49. Apakah yang dimaksudkan dengan hisbah ?
- A. Institusi yang menjaga keamanan di sempadan negara
 - B. Institusi yang bertindak selaku badan kehakiman
 - C. Institusi yang menggalakkan manusia buat kebaikan dan hindar kejahatan
 - D. Institusi yang berfungsi sebagai tempat mesyuarat oleh badan – badan pentadbiran negara
50. Individu yang bertanggungjawab menjalankan fungsi Imamah digelar ?
- A. Al – Imarah
 - B. Al – Imam
 - C. Al – Khalifah
 - D. Al – Khilafah

51. Manakah pernyataan berikut menggambarkan bahawa al – Quran dan hadis yang dimanipulasi ?
- i. Al – Quran wahyu dalam keraguan
 - ii. Kedudukan wanita yang dimanipulasi
 - iii. Rasulullah SAW yang dimanipulasi
 - iv. Para sahabat diragui kesahihan hadis mereka
- A. i sahaja
 - B. i, ii dan iv
 - C. i, ii dan iii
 - D. Semua di atas
52. Apakah peranan media elektronik antarabangsa seperti CNN dan BBC ?
- A. Menyalurkan maklumat secara langsung terhadap negara – negara yang melanggannya
 - B. Menyebarluas mesej globalisasi
 - C. Menyebar berita dan maklumat antarabangsa kepada negara – negara yang melanggannya
 - D. Membuat liputan menyeluruh mengenai isu antarabangsa
53. Berikut adalah benar mengenai kegiatan penterjemahan yang menjadi sebahagian polisi sains negara Islam *kecuali*
- A. Kerajaan Umayyah telah menterjemahkan ke Bahasa Arab ilmu dari Tamadun Yunani seperti perubatan, astronomi, kimia
 - B. Kerajaan Uthmaniyyah meneruskan lagi aktiviti tersebut
 - C. Penterjemahan buku dari tamadun lain ke dalam Bahasa Arab berlaku lebih kurang 160 tahun
 - D. Khalifah al – Mansur, Harun al – Rasyid dan Ma`mun adalah antara khalifah yang sangat cakna terhadap perkembangan ilmu

54. Apakah yang dimaksudkan dengan perkataan *iqtisad* ?
- A. Atur urusan dengan berusaha capai sasaran dengan tepat
 - B. Berkait dengan keadilan dan kebajikan sosial
 - C. Tidak wujud unsur penipuan
 - D. Keselamatan dan kesejahteraan sosial
55. Berikut adalah benar mengenai faktor penyebab luaran salah faham terhadap Islam **kecuali**
- i. Persempadanan wilayah Islam semakin meluas
 - ii. Pengaruh kebudayaan asing
 - iii. Serangan pemikiran orientalis Barat
 - iv. Penjajahan dan modenisme Barat
- A. i, ii dan iii
 - B. ii, iii dan iv
 - C. i, iii dan iv
 - D. Semua di atas
56. Berikut adalah **benar** tentang kriteria pengurusan sumber ekonomi Islam
- A. Kawal sektor spekulasi supaya tidak menjejaskan ekonomi
 - B. Pengguna perlu bijak berbelanja dan merancang sosial ekonomi
 - C. Jadikan sektor pertanian sebagai pengimbang nilai mata wang
 - D. Tidak melakukan pembaziran disamping optimumkan produk
57. Apakah yang dimaksudkan dengan globalisasi ?
- A. Membolehkan masyarakat memiliki akses internet seluruh dunia
 - B. Menjadikan seluruh dunia seperti sebuah kampung dengan sempadan negara lebih terbuka
 - C. Zon – zon masa seluruh dunia disatukan
 - D. Sempadan Haribulan Antarabangsa

58. Berikut adalah benar mengenai prinsip umum ekonomi Islam *kecuali*
- Takaful
 - Tadamun
 - Tabayyun
 - Kepenggunaan
59. Manakah antara pernyataan yang berikut menggambarkan konsep perundangan Islam ?
- Galakkan buat kebaikan dan hindari buat kejahatan
 - Hukum hudud dan qisas termasuk dalam perundangan Islam
 - Konsep manusiawi jelas wujud dalam semua larangan perundangan Islam
 - Takzir adalah hukuman yang boleh ditentukan oleh pihak kerajaan
60. Berikut adalah **benar** mengenai perbezaan Globalisasi dan Order Dunia Baru
- Globalisasi lahir di Barat manakala Order Dunia Baru di Utara
 - Globalisasi adalah simbol kerjasama manakala Order Dunia Baru simbol kekuatan pengaruh sesuatu pihak
 - Globalisasi fokus penguasaan ekonomi manakala Order Dunia Baru fokus penguasaan ketenteraan
 - Globalisasi sebabkan wujudnya gerakan kapitalis manakala Order Dunia Baru pula wujud gerakan komunis

Soalan Tamat

RUBRIK

KRITERIA	MARKAH
Semua jawapan akan ditanda berdasarkan kepada skema jawapan yang disediakan	/30